

07/02/1998

Strategi lebih berkesan perlu disusun

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad begitu gerun melihat sikap berani mati sesetengah penunggang motosikal. "Saya sendiri takut melihat sesetengah penunggang motosikal begitu nekad," katanya. "Mereka seolah-olah gila hendak bunuh diri," katanya. Ketua Polis Trafik Persekutuan Penolong Pesuruhjaya Kanan (I) Datuk Supian Amat pula berkata dia kesal terhadap sikap kebanyakan rakyat yang seolah-olah tidak sayang nyawa dan nyawa orang yang mereka kasihi. Supian berkata demikian ketika mengulas peningkatan jumlah kematian di jalan raya sejak Ops Statik yang dilancarkan pada 21 Januari lalu dalam akhbar Star 2 Februari. Sehingga hari itu, 213 orang maut dalam 7,280 nahas jalan raya. Daripada jumlah itu, 114 kematian membabitkan penunggang motosikal dan pembonceng.

"Kami sudah menasihatkan orang ramai supaya mematuhi peraturan jalan raya tetapi ramai yang berdegil," kata Supian. Menurutnya, penguatkuasaan peraturan jalan raya jelas tidak memadai. Cara yang lebih berkesan, menurutnya ialah rakyat mesti mempunyai kesedaran yang lebih tinggi terhadap bahaya yang mereka hadapi ketika memandu sambil mematuhi semua peraturan. Polis kekurangan kakitangan untuk mengawal semua sekali 8.5 juta kereta yang berdaftar di seluruh negara, tegasnya.

Kini topik yang kerap diperkatakan ialah kenaikan harga barang keperluan menjelang Kongsi Raya dan peningkatan jumlah kematian jalan raya. Setiap hari harga sayur, ikan, daging dan bahan keperluan di pasar meningkat. Saya pergi ke pasar setiap pagi bersama isteri sepanjang bulan puasa. Semakin hari harga barang keperluan semakin mahal hingga cili merah meningkat kepada RM10 sekilo bahkan taugeh naik RM8 sekilo. Empat lima hari sebelum raya saya bertanya harga sekilo udang pada penjual ikan di pasar. Menurut taksiran saya paling mahal mungkin berharga RM30. Dengan selamba dia menjawab: "RM80. Ini udang banyak cantiklah." Untuk bekalan udang sebagai persiapan menyambut hari raya, kami terpaksa meminta pertolongan seorang keluarga di Sitiawan, Perak mencari udang yang agak murah di sana. Tetapi harganya tidak banyak berbeza dengan di pasar pasar Petaling Jaya kerana permintaan sama hebat di Sitiawan untuk membeli udang sebagaimana di Kuala Lumpur.

Memang kecenderungan kita ialah untuk berjimat tetapi bagaimanakah suri rumah hendak berjimat jika harga barang yang diperlukan meningkat hari demi hari. Kita hanya boleh berjimat dengan mengurangkan jumlah bahan yang diperlukan. Kalau biasanya kita memerlukan udang sekilo, kita hanya membeli setengah kilo sambil membeli udang jenis murah. Tetapi semurah-murah udang harganya sekitar RM20 sekilo. Harga bawang merah, bawang putih, bawang besar bahkan harga santan pun meningkat. Setiap pagi sebelum ke pasar kami berbincang terlebih dahulu ke pasar mana harus kami pergi untuk membeli bahan keperluan paling murah. Tetapi biasanya strategi ini tidak berkesan kerana harga di setiap pasar hampir serupa.

Bagaimanapun sepanjang bulan puasa tidak pula saya menyaksikan antara pembeli dan penjual terjadi pertengkaran atau 'bermasam-masam muka' disebabkan harga yang ditetapkan penjual. Suri rumah menerima saja harga yang ditetapkan penjual tanpa banyak soal jawab. Suri rumah mengerti mengapa harga meningkat dan menerimanya sebagai suatu perkara yang tidak dapat dielakkan.

Mengenai jumlah korban yang meningkat di jalan raya sepanjang menyambut Hari Raya mengatasi jumlah korban tahun lalu, saya tertarik dengan cadangan untuk memasang kamera litar tertutup di semua lebuhraya pada

musim perayaan untuk mengesan dan mengenakan tindakan terhadap pemandu yang degil. Sama ada langkah seumpama itu akan berkesan, saya kurang pasti tetapi pada hemat saya, cara lebih berkesan ialah dengan mengadakan sekatan jalan raya untuk memperlambatkan perjalanan kenderaan. Nahas jalan raya umumnya disebabkan kenderaan bergerak terlalu laju dan memperlambatkan kelajuan barangkali dapat menguarangkan kemalangan. Satu cara lain ialah melarang motosikal membawa pembonceng sepanjang cuti perayaan. Demikian juga mengadakan sekatan ke atas jumlah penumpang yang dibawa oleh sesebuah van serta bas harus mendapatkan kelulusan khas untuk memandu dalam masa musim perayaan, umpamanya, kelulusan doktor. Hanya mereka yang mempunyai pengalaman yang sekiranya melayakkannya memandu akan dibenarkan memandu pada musim perayaan. Ini sekadar pendapat secara rambang kerana nampaknya kalau pihak berwajib tidak membuat sesuatu peraturan yang radikal nescaya jumlah korban di lebuhraya akan terus meningkat tiap tahun.

Hakikatnya ialah untuk mengharapkan pemandu mematuhi peraturan jalan raya pada musim perayaan nampaknya mustahil tercapai. Polis dan agensi kerajaan terpaksa memikirkan langkah luar biasa dan radikal sekali pun tidak popular. Langkah meningkatkan jumlah denda atau mendera pemandu kerana kesalahan jalan raya nyata tidak berkesan. Kita menaruh harapan besar Ops Statik akan berjaya mengurangkan jumlah korban di lebuhraya pada tahun ini. Tetapi harapan itu jelas berkecai. Yang demikian adalah wajar pihak berwajib merumuskan langkah yang lebih drastik pada masa depan.

(END)